

## Identifikasi al-‘Ūd al-Hindī Dalam Hadith `Umm Qays Berdasarkan Rujukan Turath Dan Biogeografi

Rusni Mohamad

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia  
E-mel: rusnimohamad@student.usm.my

**Thuraya Ahmad (Corresponding author)**

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia  
E-mel: thuraya@usm.my

### Abstrak

*Al-‘Ūd al-Hindī ialah bahan yang disyorkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai penawar kepada penyakit. Ia merupakan penamaan bagi dua herba yang dikenali oleh komuniti Rasulullah s.a.w. dan generasi selepasnya yang hampir dengan zaman beliau. Bagaimanapun, melihat kepada terjemahan dan interpretasi kontemporari berbahasa Inggeris dan Melayu bagi tumbuh-tumbuhan nadir dalam teks hadith, secara umum usaha tersebut tidak berjaya mengemukakan pengenalan sebenar. Hal ini berdasarkan fenomena-fenomena kesilapan dalam terjemahan dan perletakan tatanama binomial. Bagi mengisi sedikit kelompangan tersebut, kajian ini memfokuskan kepada al-‘ūd al-Hindī dalam hadith sahih yang diriwayatkan oleh `Umm Qays. Ia bermatlamat untuk memberi identifikasi kepada ungkapan al-‘ūd al-Hindī disertai tatanama binomial. Pendekatan kualitatif dipilih dengan menggunakan kajian kepustakaan bagi pengumpulan data daripada rujukan berkaitan. Kemudian, kajian ini melakukan analisis kontekstual bagi mengolah data yang dikumpulkan. Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan tersebut daripada rujukan turath terutamanya dalam bidang hadith, serta mendapatkan kesinambungan dengannya daripada fakta biogeografi, justeru dapat dikemukakan pengenalpastian spesis. Hasilnya, dapat dikenalpasti dua herba al-‘ūd al-Hindī tersebut ialah al-qust al-Hindī dan al-qust al-bahrī dalam bahasa Arab; yang merupakan akar kepada spesis *Dolomiaea costus* dan *Arctium lappa*. Bagaimanapun, berdasarkan tinjauan kepada pengemukaan herba tersebut dalam interpretasi hadith kontemporari,*

*keseluruhannya tidak memberikan pengenalan sebenar kepada herba-herba tersebut. Hal ini boleh menghalang pembaca daripada mengenali tumbuh-tumbuhan tersebut. Kajian ini menyarankan inisiatif merujuk maklumat ciri-ciri tumbuhan nadir dalam buku klasik serta mendapatkan kesinambungan maklumatnya dengan fakta biogeografi sebelum menginterpretasikannya.*

**Kata Kunci:** Identifikasi, Rujukan turath, Hadith, Biogeografi, al-‘Ūd al-Hindī.

### Abstract

*al-‘Ūd al-Hindī is amongst substances recommended by prophet Muhammad (p.b.u.h.) as medicine for ailments. It is a nomenclature for two herbs known within the community of the prophet and the early generations after him. However, existing hadith translations whether in English and Malay, are inadequate to put forth the correct identification of the plants. The flaws lie in mistranslation, as well as the incorrect assigning of their binomial nomenclature. To address the matter, this study focuses on al-‘ūd al-Hindī reported in a sound hadith narrated by `Umm Qays. The aim is to provide the right identification for al-‘ūd al-Hindī and its binomial nomenclature. This study employs the qualitative approach through literature review for data collecting followed by contextual analysis for data processing. Through the chosen method, this study aims to identify the characteristics of the plants as found in classical hadith canons. In addition, it delves into the biographical data of the hadith transmitters in order to trace their compatibility with the classical data, thus enabling us to*

*identify the species. Based on the analysis, this study identifies two kinds of herbs of the al-‘ūd al-Hindī: the al-qusṭ al-Hindī dan al-qusṭ al-bahrī. These are roots of Dolomiaea costus and Arctium lappa. Notwithstanding, based on current interpretation for al-‘ūd al-Hindī in the hadith, could not be well defined, thus giving us only an approximate translation and interpretation of the herbal plant. This study therefore recommends that adequate interpretation for nadir plants be carefully crafted so as to ensure reliability and compatibility between what we could now possibly unearth and propose and what is historically recorded in classical books and the biographical data of early Islamic history.*

**Keywords:** Identification, Classical references, Hadith, Biogeography, al-‘ūd al-Hindī.

## Pengenalan

Teks hadith merupakan sumber kedua bagi perundangan Islam selepas al-Quran al-Karim. Oleh yang demikian penjagaan keaslian teks al-Quran merupakan prioriti bagi ulama Islam. Penumpuan mereka yang seterusnya ialah penjagaan teks hadith yang kuantitinya jauh lebih banyak daripada teks al-Quran, serta membuat garis panduan bagi membezakan hadith yang boleh dijadikan hujah serta memahami maksudnya. Memandangkan hadith adalah teks dalam bahasa Arab yang digunakan lebih daripada empat belas kurun yang lampau, maka terdapat padanya perkataan dan ungkapan arkaik yang sukar difahami oleh mereka yang tidak menguasai bidang *gharīb al-hadith* serta filologi bahasa Arab. Umumnya, penumpuan kepada teks hadith lebih disasarkan untuk mengeluarkan hukum-hakam. Fenomena terlalu obses kepada pernyataan hukum bagi sesuatu masalah menyebabkan nilai gaya hidup dan budaya komuniti yang disebut secara spontan dalam teks agak disisihkan. Bahan semulajadi yang biasa digunakan dalam kalangan komuniti Rasulullah s.a.w. adalah antara amalan budaya yang telah sebat

dengan kehidupan mereka. Bahan tersebut dikenali dalam kalangan mereka dan tidak semestinya diketahui oleh pembaca kontemporari. Bagi mengetengahkan realiti ini, kajian memilih sebuah teks hadith berkenaan *al-‘ūd al-Hindī* yang diriwayatkan oleh *‘Umm Qays bint Miḥṣan*.

## Pernyataan Masalah

Penterjemahan teks hadith giat dilakukan memandangkan bukan semua penganut agama Islam dari kalangan masyarakat yang bertutur dalam bahasa Arab. Penyediaan terjemahan hadith memudahkan mereka untuk memahami maknanya; sama ada disediakan dalam koleksi terjemahan hadith tertentu ataupun yang disediakan dalam tulisan ilmiah tentang topik yang spesifik. Hakikatnya, bukan semua perkataan dalam teks hadith mudah diterjemahkan oleh individu yang diberikan mandat. Hal yang demikian kerana teks tersebut mengandungi perkataan arkaik, di antaranya ialah nama bagi tumbuh-tumbuhan nadir. Penyebutannya dalam teks hadith menandakan ia mempunyai manfaat, apatah lagi jika disyorkan oleh Nabi s.a.w. kepada pengikutnya. Kegagalan untuk mengenal pasti bahan semula jadi yang digunakan adalah satu kerugian. Ahmad (2018) dalam kajiannya menyebut bahawa antara implikasi daripada terjemahan nama tumbuh-tumbuhan nadir yang tidak dititikberatkan, ialah pembaca terhalang daripada mengenalinya. Tambahan pula didapati dunia Islam ketinggalan dalam memanfaatkan sumber semula jadi tersebut lantaran tidak mengenalinya. Melalui kajian lain, Ahmad (2020) mendapati terdapat kesilapan dalam meletakkan tatanama binomial bagi memperkenalkan tumbuh-tumbuhan yang disebut di dalam teks al-Quran.

Berkaitan dengan *al-‘ūd al-Hindī* dalam hadith *‘Umm Qays bint Miḥṣan* pula, terdapat kesilapan ketara bagi

terjemahannya dalam penulisan, termasuk artikel yang diterbitkan oleh laman sesawang badan berautoriti. Kajian ini mendapati dua artikel diterbitkan oleh badan berautoriti yang menyediakan terjemahan yang kurang tepat bagi *al-‘ūd al-Hindī*. Kedua-dua terjemahan tersebut disediakan oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (2014) dan Mohammad Fadzil (2020), yang menterjemahkan *al-‘ūd al-Hindī* dalam hadith tersebut sebagai gaharu. Kemungkinan besar kesilapan tersebut disebabkan oleh kekeliruan dengan pernyataan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1994) yang bermaksud:

*“al-‘ūd al-Hindī ada dua jenis: pertamanya yang digunakan sebagai ubatan iaitu al-kust, dan disebut juga al-qusṭ yang mana akan datang penyebutannya pada huruf al-Qāf. Yang kedua digunakan dalam wangian dan dinamakan al-‘aluwwah (sejenis gaharu terbaik)”.*

Maksud pernyataan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah di sini ialah ungkapan *al-‘ūd al-Hindī* dalam kalangan penutur bahasa Arab dikhususkan kepada dua perkara iaitu, *al-qusṭ* dan *al-‘aluwwah*. Ia tidak berkenaan dengan maksud *al-‘ūd al-Hindī* dalam hadith *‘Umm Qays bint Miḥṣan* yang menjurus kepada pembahagian jenis *al-qusṭ* kepada *al-qusṭ al-Hindī* and *al-qusṭ al-bahrī*. Berdasarkan pemerhatian, kajian ini mendapati masalah terjemahan kurang tepat bagi *al-‘ūd al-Hindī* dalam hadith tersebut. Penyebutan tatanama binomial juga secara umumnya didapati tidak sesuai.

### Kajian Literatur

Topik perawatan yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sememangnya sangat menarik untuk dikaji dan dibincangkan. Pelbagai jenis herba diperkenalkan sebagai bermanfaat untuk menyembuhkan penyakit dengan izin Allah Ta’ala. Antara herba yang dianjurkan ialah *al-‘ūd al-Hindī*

sebagaimana yang telah dinyatakan dalam periwayatan hadith oleh *‘Umm Qays bint Miḥṣan*. Kajian ini mendapati terdapat satu penyelidikan kontemporari yang menyentuh *al-‘ūd al-Hindī* sebagaimana yang terdapat di dalam teks hadith tersebut. Penyelidikan tersebut dijalankan oleh (Abd Razzak et al., 2020) berjudul ‘The significance of *Al-Qust* (*Cheilococtus speciosus*) from the Prophetic Medicine and scientific perspective’. Penyelidikan ini mengemukakan topik tersebut dengan meneliti maksud Quran, hadith dari *al-Kutub al-Sittah*, buku perubatan, jurnal dan sumber pengajian Islam. Sehubungan dengan itu, ia menterjemahkan *al-‘ūd al-Hindī* yang disebut di dalam hadith *‘Umm Qays* sebagai ‘Indian wood costus’. Penyelidikan ini menyatakan spesies yang dimaksudkan bagi herba ini ialah *Cheilococtus speciosus*.

Berdasarkan tinjauan terhadap penyelidikan ini, didapati ia tidak merujuk kepada penjelasan (al-Bukhārī, 2020) yang menyebut bahawa *al-‘ūd al-Hindī* yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. ada dua; *al-qusṭ al-Hindī* and *al-qusṭ al-bahrī*. Penyelidikan tersebut hanya memberi satu nama herba sahaja iaitu *Cheilococtus speciosus*. Tambahan pula, nama spesies yang disebut sudah tidak dikira sebagai tatanama binomial yang muktamad. *Cheilococtus speciosus* adalah tatanama binomial lama atau di dalam bidang biologi disebut sebagai sinonim kepada tatanama yang muktamad buat masa ini iaitu *Hellenia speciosa* (Royal Botanical Gardens Kew, 2022e). *Hellenia speciosa* ialah tatanama binomial bagi tumbuhan setawar hutan (Malaysia Biodiversity Information System, 2016). Selain daripada tidak merujuk penjelasan al-Bukhārī, penyelidikan berkaitan juga tidak mendapatkan maklumat yang lebih lengkap tentang ciri *al-‘ūd al-Hindī* yang terkandung di dalam rujukan turath berbahasa Arab serta data biogeografi.

## Objektif Kajian

Kajian ini bermatlamat untuk memberi identifikasi tumbuh-tumbuhan yang dimaksudkan dalam ungkapan *al-‘ūd al-Hindī* dalam hadith ‘*Umm Qays bint Miḥṣan* disertai tatanama binomialnya yang tepat. Identifikasi tersebut berdasarkan kesinambungan antara maklumat daripada rujukan turath berbahasa Arab serta data biogeografi.

## Metodologi

**Kaedah Pengumpulan Data:** Pendekatan kualitatif dipilih dengan menggunakan kajian kepustakaan bagi pengumpulan data daripada sumber yang berkaitan. Maklumat berkenaan *al-‘ūd al-hindī* didapati dari rujukan turath berbahasa Arab dalam bidang hadith, perubatan, bahasa, sejarah dan geografi. Maksud rujukan turath tersebut ialah maklumat dalam bentuk tulisan tangan yang diwarisi oleh masyarakat Arab (Abū Hāshim, 2005), sekalipun ia telah dihasilkan dalam bentuk cetakan moden. Di samping itu, pengumpulan data juga diambil daripada sumber kontemporari dalam bidang biogeografi dan bidang sains yang berkaitan dengannya.

**Kaedah Penganalisan Data:** Kajian ini melakukan analisis kontekstual bagi mengolah data yang dikumpulkan. Pertamanya, pengolahan dilakukan dengan membahagikan data kepada dua bahagian; maklumat dari rujukan turath dan data biogeografi. Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan ciri tumbuh-tumbuhan tersebut dari generasi Arab silam, yang mana ia tercatat dalam rujukan turath. Seterusnya kajian ini mendapatkan kesinambungan ciri tersebut dengan fakta daripada data biogeografi, justeru dapat dikemukakan pengenalan spesis yang tepat

## *Al-‘ūd al-Hindī* Dalam Hadith ‘*Umm Qays Bint Miḥṣan*

Topik *al-‘ūd al-Hindī* dikenali dalam bidang hadith sebagai satu periwayatan ‘*Umm Qays bint Miḥṣan* yang diriwayatkan dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim. Beliau merupakan antara wanita Mekah yang tergolong dalam kalangan sahabat Nabi s.a.w. yang beriman pada peringkat awal lagi. Kemudiannya beliau berhijrah ke Madinah dan *berbai’ah* kepada Nabi s.a.w. Beliau ada meriwayatkan beberapa hadith daripada Rasulullah s.a.w. antaranya ialah hadith tentang saranan mengubati penyakit dengan *al-‘ūd al-Hindī* (Ibn Hajar al-‘Asqalānī 1994). Ungkapan *al-‘ūd al-Hindī* dalam teks hadith hanya kedapatan diriwayatkan oleh ‘*Umm Qays bint Miḥṣan r.a.* bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. berkata:

*“Gunakanlah al-‘ūd al-Hindī ini. Bahawasanya terdapat padanya tujuh penawar dengan digunakan secara terapi melalui hidung untuk mengubati keradangan tonsil; serta terapi oral melalui sebelah bahagian mulut untuk merawat peritonitis”.* (Hadith no. 5692, 5713, 5715) *Saḥīḥ al-Bukhārī* dan (Hadith no. 5763, 5764) *Saḥīḥ Muslim al-Naysābūrī*.

Teks hadith ini memberi maksud bahawa Rasulullah SAW mengesyorkan penggunaan *al-‘ūd al-Hindī* sebagai bahan penawar yang tidak sukar untuk dikenali oleh komunitinya. Al-Bukhārī mengeluarkan hadith ini dalam empat bab yang kesemuanya terkandung di bawah *Kitāb: al-Ṭibb*, iaitu bahagian yang berkenaan dengan hadith-hadith perubatan. Antara bab tersebut ialah ‘*Bāb al-Sa’ūt bi al-Qusṭ al-Hindī wa al-Baḥrī*’ untuk memberi kefahaman kepada pembaca melalui penamaan bab tersebut bahawa yang dimaksudkan sebagai *al-‘ūd al-Hindī* ialah dua akar yang disebut oleh

masyarakat Arab silam dengan nama *al-qust al-Hindī* dan *al-qust al-bahrī*. Penamaan bab yang memberi kefahaman yang sedemikian sangat memudahkan penuntut ilmu dan pembaca mendapat garapan secara langsung tentang maksud ungkapan *al-‘ūd al-Hindī* di dalam hadith ini. Al-Bukhārī memang tersohor dengan pendekatan penamaan bab yang memberi pencerahan maksud kepada hadith dalam kitab *Ṣaḥīḥ*nya. Lantaran itu, terdapat kata-kata dalam kalangan ilmuan hadith yang menyebut; ‘Penguasaan fiqh al-Bukhārī tergambar pada penamaan judulnya (al-Maghlūth, 2018). Masyarakat Arab silam sebenarnya mengenali pelbagai jenis *al-qust*, iaitu setiap darinya memiliki keistimewaan tersendiri (al-‘Ishbīlī, 2004). Bagaimanapun *al-qust* yang menjadi fokus kajian ini hanyalah jenis yang disebut sebagai *al-‘ūd al-Hindī* seperti yang diriwayatkan di dalam hadith *Umm Qays bint Miḥṣan*.

### Identifikasi al-‘ūd al-Hindī Dalam Hadith

Rangkuman *al-‘ūd al-Hindī* dalam hadith periwayatan *Umm Qays bint Miḥṣan* hanyalah dua jenis sahaja daripada pelbagai jenis *al-qust* yang dikenali dan digunakan oleh masyarakat Arab silam. Al-Layth ibn al-Muzaffar (sebagaimana dirujuk oleh Ibn Manzūr, 2003) menyebut bahawa *al-qust* dibawa dari India, atau lebih spesifik lagi dari wilayah Sindh seperti dinyatakan oleh (Ibn Khurdādhbih, 2014). Masyarakat Arab silam menganggap Sindh termasuk dalam rantau India (al-Ḥamawī, 1995). Pedagang Arab memperolehinya dari *Sandān*, sebuah bandar pelabuhan dan perdagangan yang bersempadan dengan Sindh (al-‘Azīzī, 2006; al-‘Iskandarī, 2005). Sehubungan dengan itu, terdapat syair Arab Jahiliyah yang merakamkan perihal *al-qust* yang dibawa dengan kapal ke tempat mereka, contohnya baris syair oleh Bishr ibn ‘Abī Khāzim (sebagaimana dirujuk oleh

Sulaymān, 1993):

*Lalu (kapal-kapal) telah dimuatkan dengan al-qust dan daun wuru*

*Juga dengan kasturi berwarna gelap serta senjata*

Bagi menentukan identifikasi kedua-dua *al-qust al-Hindī* dan *al-qust al-bahrī*, kajian ini akan memaparkan ciri-cirinya berdasarkan maklumat generasi Arab silam yang tercatat dalam rujukan turath. Kajian ini seterusnya melihat kesinambungannya dengan data bidang biogeografi, bagi menentukan spesis atau jenis tumbuhannya.

### Identifikasi *al-Qust al-Hindī*

#### *Ciri-ciri al-Qust al-Hindī Dari Sumber Turath Arab*

*Al-Qust al-Hindī* disebut dengan namanya yang jelas dalam hadith sahih berkaitan perawatan keradangan tonsil pada kanak-kanak. Ia merupakan periwayatan daripada *Jābir ibn Abdillāh* r.a., yang mana beliau menjelaskan:

*“(Pada suatu hari) Rasulullah SAW telah masuk ke penginapan ‘Ā’ishah tatkala seorang kanak-kanak lelaki (bersamanya) didapati hidungnya mengeluarkan darah, lantas beliau bertanya: “Apa yang terjadi kepada kanak-kanak ini?” (Mereka yang berkumpul di situ) menjawab: “Dia terkena keradangan tonsil”. Maka Rasulullah SAW berkata: “Untuk apa kamu menyiksa anak-anak kamu, wahai ibu-ibu. Walhal boleh sahaja kamu menggunakan qust Hindī dengan mengasahnya tujuh kali dengan dicampur air, kemudian masukkannya melalui lubang hidung pesakit”. Mereka pun melakukan seperti yang disuruh, dan kanak-kanak tersebut akhirnya sembuh. (Hadith jilid 3, tanpa nombor) Musnad Ahmad al-Shaybānī.*

Selain dari dua hadith *Umm Qays bint*

Miḥṣan dan hadith di atas tentang *al-Qusṭ al-Hindī*, terdapat juga dua hadith lain berkaitan dengannya. Cuma dua hadith tersebut hanya menyebut *qusṭ* atau *kusṭ* sahaja tanpa dispesifikkan kepada jenisnya (al-Bukhārī, 2000 [Hadith no. 313, 5341, 5343, 5696]; al-Naysābūrī, 2000 [Hadith no. 3740 - 3742]). Begitupun, ilmuan hadith sememangnya maklum bahawa yang dimaksudkan dalam dua hadith tersebut

ialah *al-qusṭ al-Hindī* (al-Shaybānī, 1985; al-Sanūsī, t.t.). *Al-Qusṭ al-Hindī* disifatkan dalam kalangan ilmuan silam sebagai akar berwarna gelap dan mempunyai rasa pahit (Ibn al-Bayṭār, 2001). Ketinggian pokoknya dalam anggaran ketinggian manusia. Daunnya berbentuk seakan-akan daun cyclamen dan elfdock (al-'Ishbīlī, 2004), iaitu seperti bentuk hati. Lukisan bentuk daun cyclamen dapat dilihat pada Rajah 1.



Rajah 1. Lukisan pokok cyclamen, yang mana daunnya berada pada bahagian bawah, manakala bunganya pada bahagian atas. (Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2022c)

Manakala lukisan bentuk daun elfdock dapat dilihat pada Rajah 2.



Rajah 2. Lukisan pokok elfdock, yang menampakkan bentuk daunnya (Sumber: Botanical Illustration, 2015a).

Manakala pada bahagian atas tumbuhan *al-qusṭ al-Hindī* pula terdapat bunga yang berbentuk kumpulan rerambut (al-'Ishbīlī, 2004). Tiada maklumat yang menyebut tumbuhan ini terdapat di tanah Arab.

### ***Data Biogeografi Dan Kesenambungannya Dengan Sumber Turath Arab***


Ciri-ciri fizikal *al-qust al-Hindī* dari sumber turath tentang ketinggian serta bentuk daun dan bunga menepati maklumat dalam bidang biogeografi (Royal Botanic Gardens Kew, 2021a; Palme, 2015). Gambar foto berkaitannya dapat dilihat pada Rajah 3 di bawah.



Rajah 3. Gambar foto pucuk (*Dolomiaea costus*); sebelah kiri menampakkan pokoknya, sebelah kanan b, ialah akar yang telah dikeringkan dan c ialah serbuk akarnya (Vashisht, 2021)

Demikian juga, ia menepati sejenis *qust* atau kuth yang digunakan dalam perubatan traditional India. Penggunaannya sudah menjadi kebiasaan dalam perubatan India seperti Ayurveda (Sulaiman et al., 2021) dan Unani (Nikhat & Fazil, 2020). Selain itu, penyelidikan yang dijalankan oleh (Waly, 2009) membuktikan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-qust al-Hindī* dalam teks hadith berkenaan amalan menyah bau bagi wanita yang bersuci dari haidh (al-Bukhārī, 2000 [Hadith no. 313, 5341, 5343]; al-Naysābūrī, 2000 [Hadith no. 3740 - 3742]), ialah daripada spesies *Saussurea lappa*. Pengkaji tersebut menggunakan metode yang diguna pakai

dalam bidang biologi iaitu pengenalpastian berdasarkan morfologi (morphological identification) dan ciri anatomi akar untuk dijalankan ke atas pelbagai jenis *al-qust*. Bagaimanapun, *Saussurea lappa* adalah tatanama binomial lama atau disebut sinonim bagi tatanama yang muktamad buat masa ini iaitu *Dolomiaea costus*. Ia adalah tumbuhan pucuk yang mana akarnya telah diketahui manfaatnya dalam perubatan Melayu (Hussain, 2015). Tumbuhan pucuk merupakan herba yang tumbuh di sebahagian besar Asia Selatan, Asia Timur dan Vietnam sebagaimana yang dipaparkan pada Peta 1.



Peta 2. Taburan kawasan asal bagi tumbuhan pucuk - *Dolomiaea costus* (Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2020d)

Berdasarkan peta di atas, wilayah Sindh yang dinyatakan oleh sumber turath sebagai lokasi pengeluar pucuk termasuk dalam kawasan asal berdasarkan data biogeografi. Sebagai perbandingan fakta, kajian ini memaparkan kesinambungan antara sumber turath dan data biogeografi sebagaimana dipaparkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Kesinambungan antara fakta turath tentang *al-quṣṭ al-Hindī* dan data biogeografi tentang *Dolomiaea costus*.

	Maklumat Sumber Turath Tentang <i>al-quṣṭ al-Hindī</i>	Data Biogeografi Tentang <i>Dolomiaea costus</i>
1	Kedapatan di Sindh.	Wilayah Sindh antara tanah asalnya.
2	Akar (bahagian yang digunakan) berwarna gelap.	Akar berwarna gelap.
3	Akar mempunyai rasa pahit.	Akar mempunyai rasa pahit
4	Lebih kurang dengan ketinggian manusia.	Tinggi dari 1m – 3m.
4	Daun berbentuk seperti daun cyclamen dan elfdock	Daun berbentuk hati
5	Bahagian atasnya mengeluarkan bunga seperti kumpulan rambut	Bunga berkelompok berbentuk bulat dan berbulu keluar pada bahagian atas.

Berdasarkan perbandingan di atas, didapati maklumat sumber turath tentang tanah asal dan ciri fizikal pokok pucuk dari ketinggian, bentuk daun, bentuk bunga dan akar yang mempunyai warna gelap dan rasanya yang pahit menepati maklumat *Dolomiaea costus* dalam bidang biogeografi.

### Identifikasi *al-Quṣṭ al-Baḥrī*

#### *Ciri-ciri al-Quṣṭ al-Baḥrī* Dari Sumber Turath Arab

*al-Quṣṭ al-baḥrī* disebut dengan namanya yang jelas dalam dua hadith. Pertamanya hadith sahih yang diriwayatkan oleh `Anas

ibn Mālik r.a., bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. berkata:

“*Sesungguhnya, antara perawatan terbaik yang kamu gunakan ialah berbekam dan al-quṣṭ al-baḥrī*”. (Hadith no. 5696) *Sahih Bukhārī* dan (Hadith no. 4039) *Sahih Muslim al-Naysābūrī*.



Keduanya, ialah hadith dhaif yang diriwayatkan oleh *Zayd ibn `Arqam* r.a. bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. berkata:

“*Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah menyarankan pengobatan penyakit peritonitis dengan menggunakan al-qusṭ al-baḥrī dan minyak (zaitun liar)*”. (Hadith no. 2079) *Sunan al-Tirmidhiy*.

Adapun dari catatan ilmuan silam, herba *al-qusṭ al-baḥrī* disifatkan sebagai akar berwarna putih dan mempunyai sedikit rasa manis (Ibn Bayṭār al-`Andalusī, 2001). al-Yaḥṣabī (1998) menyebut bahawa tumbuhan *al-qusṭ al-baḥrī* yang paling elok datangnya dari sebahagian wilayah Arab. Sebagaimana ia juga kedapatan di luar tanah Arab, yang mana penduduk tempatannya memakan akarnya yang masih segar (al-Nuwayrī 2004). Biarpun maklumat hanya menyebut *al-qusṭ al-baḥrī* didatangkan dari sebahagian wilayah Arab dan India, terdapat juga catatan yang menyebut bahawa herba ini didapati tumbuh di tebing-tebing sungai di *Kharkhīz* iaitu wilayah Kyrgyz (al-`Idrīsī, 1989). *al-Qusṭ al-baḥrī* sekiranya diterjemahkan secara harfiah ke dalam

bahasa Melayu, maka disebut *qusṭ laut* yang seolah-olahnya memberi pengertian bahawa herba ini merupakan hasil laut. Walhal, perkataan *al-baḥrī* atau laut hanyalah penamaan bagi membezakannya dari *al-qusṭ al-Hindī* yang bermaksud secara harfiahnya *al-qusṭ tanah India*. Hakikatnya, kedua-dua *al-qusṭ* ini terdapat di India. Penamaan hanyalah bertujuan sebagai petunjuk bahawa; sekiranya *al-qusṭ al-Hindī* ialah herba yang membantu menghangatkan badan, maka *al-qusṭ al-baḥrī* yang dinisbahkan kepada laut kurang membantu untuk memanaskan badan (al-Munāwī, 1972).

#### ***Data Biogeografi Dan Kesenambungannya Dengan Sumber Turath Arab***

Ciri-ciri *al-qusṭ al-baḥrī* menepati herba janglikuth yang digunakan dalam perubatan Ayurveda dikenali dengan tatanama binomial *Arctium lappa* (Quattrocchi, 2016; Nanda Medicinal, 2020). Spesis ini diketahui mempunyai akar yang berwarna putih dan agak manis rasanya (McIntyre, 2005; Toba, Denham & Whitelegg, 2011). Bentuk tumbuhan ini dalam bentuk keratan bahagian-bahagiannya telah dilukiskan sebagaimana dipaparkan dalam Rajah 4.



Rajah 4. Lakaran keratan pokok gobo (*Arctium lappa*). (Sumber: Botanical Illustration, 2015b).

Lakaran keratan melintang bagi akar tumbuhan gobo dapat dilihat pada sebelah kiri dalam rajah di atas. Paparan keratan tersebut menampakkan isi dalaman akarnya yang berwarna putih. Akar gobo sememangnya menjadi makanan kepada sesetengah komuniti, contohnya masyarakat China yang memasukkan akarnya dalam

masakan stew mereka (Wang et al, 2020). *Arctium lappa* atau gobo berdasarkan kepada data biogeografi merupakan tumbuhan asal bagi Greenland, benua Eropah dan sebahagian besar Asia antaranya Kyrgyz dan Semenanjung Tanah Melayu, sebagaimana dipaparkan pada Peta 2.



Peta 2. Taburan kawasan asal tumbuhan gobo - *Arctium lappa* (Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2022a)

Berdasarkan peta di atas, sebahagian wilayah Arab, Sindh dan Kyrgyz termasuk dalam kawasan tanah asal spesies *Arctium lappa*. Masyarakat moden di wilayah Arab yang berkaitan menyebut nama tumbuhan ini dalam dialek daerah sebagai '*al-qurtub*' (Ilyās, 2019). Sebagai perbandingan fakta, kajian ini memaparkan kesinambungan antara sumber turath dan data biogeografi sebagaimana dipaparkan pada Jadual 2.

Jadual 2. Kesinambunagn antara fakta sejarah tentang *al-qust al-bahrī* dan data biogeografi tentang *Arctium lappa*.

	Maklumat Sumber Turath Tentang <i>al-qust al-bahrī</i>	Data Biogeografi Tentang <i>Arctium lappa</i>
1	Kedapatan di sebahagian wilayah Arab, Sindh & Kyrgyz.	Sebahagian wilayah Arab, Sindh & Kyrgyz adalah antara tanah asalnya.
2	Akar (bahagian yang digunakan) berwarna putih.	Akar berwarna putih.
3	Akar mempunyai rasa manis sedikit.	Akar mempunyai rasa manis sedikit.
4	Akarnya boleh dimakan sebagai sayuran.	Akarnya boleh dimakan sebagai sayuran.

Berdasarkan perbandingan di atas, didapati maklumat sumber turath tentang pernyataan tanah asal pokok gobo serta sifat-sifat akarnya yang berwarna putih, mempunyai rasa manis sedikit dan boleh dibuat sayur menepati maklumat *Arctium lappa* dalam bidang biogeografi.

## Penjelasan Kesilapan Terjemahan *al-‘ūd al-Hindī*

Berbalik kepada perbincangan sebelumnya dalam Pernyataan Masalah, kedapatan dua laman sesawang berautoriti yang menterjemahkan *al-‘ūd al-Hindī*

sebagai gaharu. Rajah 5 di bawah memaparkan gambar foto bagi bahagian tertentu pokok gaharu.



Rajah 5. Gambar foto bagi tumbuhan gaharu (*Aquilaria*); sebelah kanan, batangnya yang menghasilkan resin gaharu, dan sebelah kiri, daun dan bunganya (Sumber: Hashim et al., 2016).

Berdasarkan gambar foto di atas dapat dilihat bahagian batang pokok gaharu yang menghasilkan resin yang digunakan. Sebagaimana dapat dikenalpasti bentuk daunnya yang bujur serta bentuk bunganya yang kecil.

Seterusnya perbincangan dalam Kajian Lepas mengetengahkan satu penyelidikan yang menterjemahkan *al-‘ūd al-Hindī*. Penyelidikan tersebut menyediakan terjemahan bagi ungkapan tersebut sebagai ‘*Indian wood costus*’. Biarpun terjemahan tersebut kelihatannya tidak spesifik kepada jenis tumbuhan tertentu,

tetapi dalam perbincangannya ia menyebut tatanama binomial yang dimaksudkan baginya. Kajian tersebut menyebut tatanama binomial *Cheilococtus speciosus* bagi memaksudkan kepada *al-‘ūd al-Hindī*. Sebenarnya, *Cheilococtus speciosus* ialah tatanama binomial yang sudah lama atau sinonim mengikut istilah biologi kepada tumbuhan setawar hutan. Tatanama binomialnya yang muktamad kini ialah *Hellenia speciosa* (Royal Botanic Gardens Kew, 2022e). Rajah 6 di bawah memaparkan gambar foto bagi pokok setawar hutan.



Rajah 6. Gambar foto bagi tumbuhan setawar hutan (*Hellenia speciosa*); sebelah kanan menampakkan bentuk rimpangnya, tengah menampakkan anak pokoknya, serta kiri menampakkan daun serta bunganya. (Sumber: Maji et al., 2020).

Berdasarkan gambar foto di atas dapat dilihat ciri-ciri pokok setawar hutan dari sifat rimpangnya yang kekuningan, daunnya yang membujur panjang serta bentuk bunganya dengan kelopak berwarna putih yang muncul dari pelepah berwarna merah.

Bagi terjemahan *al-‘ūd al-Hindī* sebagai gaharu, ia tidak menepati *al-qusṭ al-Hindī* juga *al-qusṭ al-baḥrī*, terutamanya kerana ia merupakan resin dari batang pokok (Lee & Mohamed, 2016) serta bukan herba akar kayu. Begitu juga dengan terjemahan kedua sebagai setawar hutan, ia tidak menepati ciri-ciri *al-qusṭ al-Hindī* atau *al-qusṭ al-baḥrī*. Sememangnya bahagian akar atau lebih tepat lagi bahagian rimpang setawar hutan ialah bahagian yang digunakan, namun ia tidak menepati ciri-ciri akar kedua-dua jenis *qusṭ* tersebut sebagaimana dijelaskan sebelumnya. Demikian juga berkaitan bentuk daun *al-qusṭ al-Hindī* dalam sumber turath menyebutnya sebagai berbentuk hati, sifat daun pokok gaharu dan pokok setawar hutan jelas tidak menepatinya. Seterusnya bagi sifat bunga *al-qusṭ al-Hindī* yang berbentuk kumpulan rerambut, sifat bunga pokok gaharu dan pokok setawar hutan juga tidak menepatinya. Paling utama kedua-dua pokok gaharu dan setawar hutan bukan dari flora wilayah Sindh (Royal Botanic Gardens Kew 2021b; Royal Botanic Gardens Kew, 2021e), yang merupakan antara tanah asal tumbuhan *al-qusṭ al-Hindī* dan *al-qusṭ al-baḥrī*.

### Kesimpulan

Maksud *al-‘ūd al-Hindī* dalam hadith periwayatan *Umm Qays bint Miḥṣan* ialah dua jenis herba akar kayu iaitu, *al-qusṭ al-Hindī* juga *al-qusṭ al-baḥrī*. Kedua-dua jenis *qusṭ* berkenaan disebut namanya secara langsung dalam hadith-hadith lain. *Al-Qusṭ al-Hindī* ialah akar bagi tumbuhan pucuk dan *al-qusṭ al-baḥrī* ialah akar bagi

tumbuhan gobo. Tatanama binomial yang muktamad buat masa ini bagi tumbuhan herba pertama ialah *Dolomiaea costus*, manakala bagi tumbuhan herba kedua ialah *Arctium lappa*. Hal yang demikian dapat dikenal pasti berdasarkan maklumat dari buku turath dan kesinambungannya dengan data biogeografi. Bertentangan dengan dapatan tersebut, terjemahan kontemporari sedia ada telah menginterpretasi *al-‘ūd al-Hindī* sebagai satu herba sahaja. Tambahan pula, terdapat terjemahan nama herba tersebut sebagai gaharu serta setawar hutan, yang tidak mempunyai kesinambungan dengan maklumat dalam rujukan turath. Sementelah tatanama binomialnya juga tidak tepat. Kesilapan sedemikian boleh menghalang pembaca daripada mengenali tumbuh-tumbuhan tersebut. Kajian ini menyarankan inisiatif merujuk maklumat ciri-ciri tumbuhan nadir dalam buku turath berbahasa Arab serta mendapatkan kesinambungan maklumatnya dengan fakta biogeografi sebelum menginterpretasi dan memperkenalkannya.

### Penghargaan

Kajian ini dijalankan dari sumber dana Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia (304/PHUMANITI/6315367).

### Rujukan

Abd Razzak, M., Fauzi, N., Yakob, M. A. & Abd Rahim, N. M. Z. (2020). The significance of *al-qusṭ* (*Cheilococtus speciosus*) from the Prophetic Medicine and scientific perspective. Dalam M. Y. Mohd Yusoff, K. Ahmed & R. Othman (Ed.). *Tibb Nabawi on Nature based Products*. (hlmn 29 -45). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad, T. (2018). *Gharīb al-`alfāz fī al-tarjamat al-`Injilīziyyat fī Kitāb al-Libās fī Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*: Muhammad Muhsin

Khan `anmūdḥaja. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ahmad, T. (2020). Cendana dalam teks hadith, peradaban Islam dan tren penyelidikan terkini. Dalam N. S. Hamisan@Khair, N. S. Sahimi, & F. F. Farid. (Ed), Proceedings of The 7<sup>th</sup> International Prophetic Conference (SWAN) 2020. (hlmn. 486 – 500). Nilai: Penerbit USIM.

al-‘Azīzī, Ḥ. `A. (2006). al-Kitāb al-‘Azīzī’ atau ‘al-Masālik wa al-mamālik. Ed. T. Khalaf. Cet. 1. Damascus: al-Takwīn.

Ibn al-Bayṭār al-`Andalusī, ‘A. `A. (2001). al-Jāmi’ li Mufradāt al-`Adwiyat wa al-`Aghdhiah. Beirut: Dar al-Kotob Al-ilmiyah.

Botanical Illustration. (2015a). Inula helenium L. Dalam talian: <https://wisflora.herbarium.wisc.edu/imagelibrary/imagdetails.php?imgid=7171>. Diakses pada 23 Mac 2022.

Botanical Illustration. (2015b). Scientific Name: Arctium lappa L. Dalam talian: <https://wisflora.herbarium.wisc.edu/imagelibrary/imagdetails.php?imgid=1054>. Diakses pada 23 Mac 2022.

al-Bukhārī, M. `I. (2000). al-Ṣaḥīḥ. Dalam S. ‘A. Āl al-Shaykh (Ed.). Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah. (1 – 670). Riyadh: Darussalam.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, `A. ‘A. (1994). al-‘Iṣābat fī Tamyīz al-Ṣaḥābah. Beirut: Dar Al Kotob Al Ilmiyah.

al-Ḥamawī, Y. ‘A. (1995). Mu’jam al-Buldān. Beirut: Dār Ṣādir.

`Abū Ḥāshim, ‘A. Z. (2005). Mā Huw al-Turāth al-‘Arabiy al-‘Islāmī. Dalam talian:

<https://pulpit.alwatanvoice.com/articles/2005/12/22/33333.html>. Diakses pada 21 Mac 2022.

Hashim, Y., Kerr, P., Abbas, P. & Mohd Salleh, H. (2016). Aquilaria spp. (agarwood) as source of health beneficial compounds: A review of traditional use, phytochemistry and pharmacology. Journal of Ethnopharmacology. Vol. 189. 331-360. Dalam talian: [10.1016/j.jep.2016.06.055](https://doi.org/10.1016/j.jep.2016.06.055) Diakses pada 21 Mac 2022.

Hussain, A. (2015). MSS 2999 Kitab Tib: A Modern Medical Insight Into and Interpretation of a Malay Medical Manuscript. Kepong: Forest Research Institute Malaysia.

al-`Idrīsī, M. M. ‘A. (1989). Nuzhat al-Mushtāq fī Ikhtirāq al-`Āfāq. Beirut: ‘Ālam al-Kutub

al-`Ishbīlī, `A. (2004). ‘Umdat al-Ṭabīb fī Ma`rifat al-Nabāt li Kull Labīb. J. Bustamante, F. Corriente & M. Tilmantine (Ed.). Madrid: Editorial CSIC - CSIC Press.

`Ilyās, N. (2019). Qurṭubā al-Lubnāniyyat Tadhkhar bi Tārīkhihā al-‘Arīq wa Tatamayyaz bi Karnifālātihā wa `Al`ābihā. Dalam talian: <https://www.alquds.co.uk/>. Diakses pada 21 Mac 2022.

al-`Iskandarī, N. ‘A. (2005). Kitāb al-`Amkinat wa al-Miyāh wa al-Jibāl wa Naḥwihā. Ḥ. M. al-Nābūdah. (Ed.). Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.

Ibn Khurdādhbih, ‘U. ‘A. (2014). Kitāb al-Masālik wa al-Mamālik. Ḥ. Wuld al-Sālim (Ed.). Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.

Lee, S. Y., & Mohamed, R. (2016). The origin and domestication of Aquilaria, an important agarwood producing genus. Dalam, R. Mohamed (Ed.) Agarwood: Science Behind The Fragrance. Singapura:

Springer. 1-20.

al-Maghlūth, S. 'A. (2018). 'Aṭlas 'A'lām al-Muḥaddithīn. Riyadh: Obeikan.

Maji, P, Dhar, D. G. Misra, P. & Dhar, P. (2020). *Costus speciosus* (Koen ex. Retz.) Sm.: Current status and future industrial prospects. *Industrial Crops and Products*. Vol. 152. Dalam talian: <https://doi.org/10.1016/j.indcrop.2020.112571> Diakses pada 21 Mac 2022.

Malaysia Biodiversity Information System. (2016). Native Plants: *Cheilocostus speciosus*. Dalam talian: <https://www.mybis.gov.my/sp/32680> Diakses pada 21 Mac 2022.

Ibn Manzūr, M. M. (2003). *Lisān al-'Arab*. Kaherah: Dar El-Hadith.

McIntyre, A. (2005). *Herbal Treatment of Children: Western and Ayurvedic Perspectives*. Elsevier.

Mohammad Fadzil, M. M. (2020). COVID-19: Sistem Penjagaan dan Rawatan Cara Islam. Dalam talian: <https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/16/covid-19-sistem-penjagaan-dan-rawatan-cara-islam/> Diakses pada 18 Mac 2022.

al-Munāwī, M. 'A. (1972). *Faiḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. cet. 2. Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Nanda Medicinal. (2018). List of Medicinal and Aromatic Plants. Dalam talian: <http://www.saussurea-costus.com/list-of-medicinal-and-aromatic-plants/>. Diakses pada 21 Mac 2022.

al-Naysābūrī, M. Ḥ. (2000). *al-Ṣaḥīḥ*. Dalam S. 'A. Āl al-Shaykh (Ed.). *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. (673-1218). Riyadh: Darussalam.

Nikhat, S. & Fazil, M. (2020). Overview of Covid-19; its prevention and management in the light of Unani medicine. Dalam, J. Chen, W. Huang & M. Yao (Ed.), *Science of The Total Environment*. Vol. 728. Dalam talian: <https://doi.org/10.1016/j.scitotenv.2020.138859>. Diakses pada 21 Mac 2022.

al-Nuwayrī, 'A. 'A. M. (2004). *Nihāyat al-'Arab fī Funūn al-'Adab*. M. Qamīḥah et al. (Ed). Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmīyah.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, M. 'A. 'A. (1994). *Zād al-Ma'ād fī Hady Khayr al-'Ibād*. cet. 27. Beirut: Mu'assasat al-Risālah & Kuwait: Maktabat al-Manār al-Islāmiyyah.

Quattrocchi, U. (2014). *CRC World Dictionary of Medicinal and Poisonous Plants: Common Names, Scientific Names, Synonyms and Etymology*. (Boca Baton, London & New York: Taylor & Francis Group.

Palme, K. (2015). Review of the status, use, adulteration, cultivation, and trade of three threatened and intensively used medicinal plant taxa from the Himalayan region. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Universitāt Wien, Vienna, Austria.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan. (2014). Keaslian Dari Tanah Tinggi Blau. Dalam talian: <https://www.pmbk.gov.my/index.php/en/component/content/article?id=488:bengkel-perancangan-strategik.html>. Diakses pada 21 Mac 2022.

Royal Botanic Gardens Kew. (2022a). *Arctium lappa*. Dalam talian: <http://www.plantsoftheworldonline.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:178385-1>. Diakses pada 21 Mac 2022.

Royal Botanic Gardens Kew. (2022b). *Aquilaria* Lam. Dalam talian: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:331359-2>. Diakses pada 21 Mac 2022.

Royal Botanic Gardens Kew. (2022c). *Cyclamen L.* Dalam talian: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:32774-1>. Diakses pada 21 Mac 2022.

Royal Botanic Gardens Kew. (2022d). *Dolomiaea costus*. Dalam talian: <http://www.plantsoftheworldonline.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:77210782-1>. Diakses pada 21 Mac 2022.

Royal Botanic Gardens Kew. (2022e). *Hellenia speciosa*. Dalam talian: <http://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:60469691-2>. Diakses pada 21 Mac 2022.

al-Sanūsī, M. M. Y. (t.t.). Mukammil 'Ikmāl al-Mu'allim. Beirut: Dar al-Kotob Al-ilmiyah.

al-Shaybānī, 'A. M. H. (1985). al-Musnad. Beirut & Damascus: al-Maktab al-'Islāmiy. 3/315.

Sulaiman, C. T., Deepak, M., Ramesh, P. R., Anandan, E. M. & Balachandran, I. (2021). Chemical profiling of selected Ayurveda formulations recommended for COVID-19. Beni-Suef University Journal of Basic and Applied Sciences. Vol. 10(1). Dalam talian DOI: [10.1186/s43088-020-00089-1](https://doi.org/10.1186/s43088-020-00089-1). Diakses pada 21 Mac 2022.

Sulaymān, M. (1993). al-Baḥr wa al-Sufun fī al-Shi'r al-Jāhili. Al-Faisal Magazine. Vol. 201. Riyadh: Al-Faisal Cultural House: 92-97.

Tobyn, G., Denham, A. & Whitelegg, M. (2011). Medical Herbs. Elsevier. Dalam talian: <https://doi.org/10.1016/B978-0-443-10344-5.00015-X>. Diakses pada 21 Mac 2022.

Vashisht, I. (2021). Chapter 10 - *Saussurea lappa*. Dalam Malhotra, N & Singh, M (Ed.), Himalayan Medicinal Plants: Advances in Botany, Production & Research. Elsevier: 173-197. Dalam talian: <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-823151-7.00012-X>. Diakses pada 22 Mac 2022.

Waly, N. M. (2009). Verifying the scientific name of Costus [*Saussurea lappa* (Decne) C.B.Clarke.]-Asteraceae]. Journal of King Abdulaziz University – Science, Vol. 20(2): 327-334. Dalam talian: [www.kau.edu.sa/Files/320/Researches/53959\\_24476.pdf](http://www.kau.edu.sa/Files/320/Researches/53959_24476.pdf). Diakses pada 20 Mac 2022.

Wang, J., Seyler, B. C., Ticktin, T., Zeng, Y & Ayu, K. (2020). An ethnobotanical survey of wild edible plants used by the Yi people of Liangshan Prefecture, Sichuan Province, China. Dalam A. Pieroni et al. (Ed.) Journal of Ethnobiology and Ethnomedicine. Vol. 16. Dalam talian: <https://doi.org/10.1186/s13002-019-0349-5>. Diakses pada 21 Mac 2022.

al-Yaḥṣabī, 'A. M. 'A. (1998). 'Ikmāl al-Mu'allim bi Fawā'id Muslim. Y. 'Ismā'īl (Ed.). Mansoura: Dār al-Wafā'.